

Ismail Sabri sambung beri keterangan di SPRM

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hadir sekali lagi ke di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), se-

malam bagi menyambung proses rakaman keterangan.

Beliau menyambung keterangan bagi membantu siasatan kes rasuah dan pengubahan

wang haram ketika pentadbirannya sebelum ini.

Kenderaan jenis Audi berwarna hitam membawa Ahli Parlimen Bera itu tiba kira-kira jam

3.25 petang sambil diiringi anggota polis pengiring.

Pada sesi pagi, Ismail Sabri hadir pada jam 8.46 pagi bagi dirakam keterangan berhubung kes rasuah dan pengubahan wang haram dihadapinya.

Rakaman percakapan itu diteruskan SPRM selepas tempoh cuti sakit Ismail Sabri tamat pada

Rabu lalu dan beliau sepatutnya hadir ke Ibu Pejabat SPRM pada 5 Mac lalu untuk memberi keterangan.

Ismail Sabri sebelum ini pernah hadir ke Ibu Pejabat SPRM untuk direkod keterangan berhubung isu membabitkan penggunaan wang sebanyak RM700 juta.



Ismail Sabri keluar dari ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia selepas memberi keterangan di Putrajaya, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)